

# Dasar meritokrasi jaga masa depan Melayu

UM 11 AUG 2001

SKUDAI 10 Ogos — Dasar meritokrasi yang akan diperkenalkan merupakan pendekatan terbaik kerajaan bagi menjaga kepentingan Melayu pada masa akan datang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd. Khir berkata, ia mampu membawa kebangkitan dan mengatasi permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak Melayu dalam pendidikan.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mencorakkan hala tuju baru dalam menentukan masa depan orang Melayu bagi mencapai kecemerlangan ilmu yang merupakan senjata utama kejayaan sesuatu bangsa.

“Pada dasarnya, meritokrasi membincangkan tentang ketahanan dan kecemerlangan kaum Melayu dalam semua aspek khususnya dalam bidang pendidikan,” katanya.

Kata Mahadzir, ini bermakna pelaksanaan sistem

itu tidak menjejaskan langsung soal kuota kemasukan pelajar bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Mahadzir berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kecemerlangan Akademik Bumiputera di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di sini hari ini.

Seminar tersebut yang disertai oleh kira-kira 250 pelajar turut dihadiri oleh Naib Canselor UTM, Datuk Prof. Dr. Mohd. Zulkifli Tan Sri Mohd. Ghazali.

“Meritokrasi di sini membawa makna kita mahu orang Melayu bergerak selangkah lagi untuk memikirkan soal ketahanan diri dan kecemerlangan kaum bumiputera dalam bidang pendidikan,” kata Mahadzir.

Menurutnya, apabila membincangkan soal meritokrasi isu-isu yang disentuh termasuk pencapaian penuntut di bandar, luar bandar dan pelajar miskin.

Tambah beliau, antara kaedah yang digunakan

oleh kerajaan bagi mengatasi permasalahan para pelajar terbabit ialah dengan membina sekolah-sekolah berasrama khususnya di luar bandar.

“Harapan kita untuk memastikan penuntut Melayu khususnya di luar bandar dan yang miskin menikmati kemudahan tersebut dan memanfaatkannya dengan baik,” ujarnya.

Menyentuh mengenai pelajar di universiti, Mahadzir berkata, pihak kerajaan tidak pernah melarang mereka mewujudkan organisasi pelajar.

“Menerusi organisasi itu mereka diberi kebebasan untuk membincangkan apa sahaja topik asalkan ia dibuat mengikut peraturan serta berbincang secara tertib,” katanya.

Menjawab satu pertanyaan Mahadzir berkata, antara sebab pelajar Melayu kurang cemerlang ialah kerana mereka kurang berdisiplin ketika berada di alam persekolahan mahupun di universiti.